

Fun Run JPWPL Melakar Sejarah



LABUAN- Semangat kesukanan yang tinggi dan amalan gaya hidup sihat di kalangan warga Pendidikan di wilayah ini menjadi mercu kejayaan melaksanakan Fun Run JPWPL tahun 2022 yang telah diadakan di Padang Majal pagi tagi.

Fun Run JPWPL merupakan salah satu daripada aktiviti Karnival Sukan Jabatan Pendidikan yang telah dilaksanakan bermula 26 November yang lalu. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan ialah Pertandingan Bola Sepak, Bola Jaring, Bola Tampar, Badminton dan Golf.

Aktiviti ini selaras dengan usaha kerajaan mengambil langkah yang bersepadu ke arah mentransformasikan Malaysia kepada sebuah negara yang bersukan bukan sahaja di sekolah bahkan di peringkat jabatan sekaligus dapat melahirkan masyarakat Malaysia yang cergas, aktif dan produktif.

Seawal jam 6.30 pagi para peserta telah berhimpun di

tapak perhimpunan untuk sama-sama melakukan aktiviti senam aerobik yang diketuai oleh Zin Tony.

Pelepasan peserta Fun Run telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Sektor Pembelajaran Encik Yahya Ahmad Puteh mewakili tuan pengarah tepat jam 7.30 pagi. Turut hadir Ketua Penolong Pengarah Sektor Pendidikan Islam menjalankan tugas Timbalan Pengarah Sektor Pembangunan Murid Puan Kamariah Salim, Ketua Penolong Pengarah Sektor Pendidikan Khas menjalankan tugas Timbalan Pengarah Sektor Pengurusan Sekolah Puan Noraini Sahbudin, Ketua Penolong Pengarah Unit Bakat Murid Encik Samsul Mandisin, Guru besar, pegawai jabatan guru-guru, ibu bapa dan murid-murid.

Penyampaian hadiah cabutan bertuah telah menyemarakkan lagi kemeriahan Fun Run biarpun dalam suasana hujan. Hadiah utama berupa basikal lipat telah dimenangi oleh Encik Mohammad Firlil Firzuan.